

## *CENTRE OF TOWN AND REGIONAL PLANNING (CToP), POLIMAS*

*Centre of Technology* (COT) Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) telah diwujudkan di bawah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) pada tahun 2012. Pada 2015, ia kemudiannya telah ditukar nama kepada *Centre of Town and Regional Planning* (CToP) sejajar dengan nama dan fungsinya, yang berfokuskan kepada bidang tujahan Perancangan Bandar dan Wilayah. Visi dan misi penubuhan CToP adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah melalui perkhidmatan kepakaran, penyelidikan dan inovasi, pengajaran dan pembelajaran. Pada 18 April 2017, CToP telah mendapat pengiktirafan sebagai *Centre of Technology* (COT) Politeknik setelah diaudit oleh Panel Penilai Luar.

*Centre of Town and Regional Planning* (CToP) dapat diklasifikasikan sebagai sebuah pusat rujukan berkonsepkan perkongsian dan pemindahan pengetahuan dan teknologi dalam pelbagai bidang kepakaran melalui kerjasama aktif dan strategik bersama pihak industri, awam, NGO dan ilmuwan. Selain itu, CToP juga mempergiatkan kolaborasi dengan komuniti dan industri berkaitan bidang tujahan serta menggalakkan penulisan dan penerbitan ilmiah bagi meningkatkan pencapaian dan pengiktirafan sama ada peringkat dalam atau luar negara.

Secara umumnya, Perancangan bandar dan wilayah adalah asas teknikal berkaitan dengan kawalan penggunaan tanah dan reka bentuk persekitaran bandar termasuk jaringan pengangkutan. Ia berkait dengan penyelidikan dan analisa, rancangan strategik, seni bina, reka bentuk bandar, rancangan pengekalan sejarah, perbincangan dengan pihak awam, cadangan polisi, pelaksanaan dan pentadbiran. Fokus CToP adalah berorientasikan perkhidmatan seperti pengumpulan maklumat, rancangan pembangunan fizikal, kajian guna tanah, kajian lalulintas, reka bentuk pelan landskap, pelan susun atur perumahan, komersial dan industri dan program latihan yang berkaitan dalam bidang perancangan bandar dan wilayah.